

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 FEB 2015

Malaysia lakar sejarah

Um - 11/2/2015

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
dan SHARAIMEI SHAIK
AHMEDULLAH

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 10 FEB.

MALAYSIA hari ini melakar sejarah apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan rasminya melancarkan model Indeks Syariah Malaysia yang disifatkan sebagai indeks yang komprehensif dan pertama seumpamanya di dunia.

Najib berkata, indeks tersebut merupakan satu kaedah pengukuran saintifik yang menepati dua fungsi penting iaitu menilai keseriusan usaha kerajaan dalam menepati piawaian Islam berkaitan dasar dan program kerajaan.

Katanya, fungsi kedua pula untuk mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus

oleh kerajaan supaya rakyat dapat menerima lebih banyak manfaat hasil daripada penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam.

“Jika status maju atau mundurnya sesebuah negara itu diukur menggunakan Indeks Pembangunan Manusia maka adalah sangat perlu untuk kita mempunyai satu kayu ukur yang objektif dan saintifik bagi menentukan kedudukan kita dalam menjalankan pentadbiran berdasarkan prinsip maqasid syariah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ketika berucap dalam majlis Perdana Ulama Umara Bersama Perdana Menteri 2015 serta pelancaran model Indeks Syariah Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr.

Ali Hamsa dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, terdapat lapan bidang utama yang akan diukur menggunakan Indeks Syariah Malaysia untuk peringkat permulaan iaitu perundangan, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran serta sosial.

“Untuk setiap bidang ini, tahap penyempurnaan lima aspek dalam maqasid syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta akan diukur dan disemak sama ada dasar serta program yang ditetapkan oleh kerajaan melalui kementerian atau agensi menepati atau tidak dengan tuntutan maqasid syariah.

“Satu dasar itu mungkin patuh syariah tetapi tidak kurang pentingnya cara mana dasar itu di-

laksanakan dengan adil, cekap dan tepat pada sasarannya supaya keindahan dan rahmat di sebalik maqasid syariah lebih terserlah,” katanya.

Perdana Menteri turut menarik perhatian hadirin apabila menimbulkan persoalan sama ada wajar atau tidak suatu program atau dasar itu hanya dikatakan Islamik apabila wujud label Islam.

“Adakah sesuatu yang tidak dilabelkan jenama Islam, maka secara automatik tidak Islamik? Adakah jika sesuatu itu dilabelkan sebagai Islam maka ia benar-benar menepati kehendak Islam.

“Justeru, kebanyakan dasar dan program kerajaan tidak dilihat sebagai menepati tuntutan Islam semata-mata kerana tidak dijenamakan Islam. Yang dianggap sebagai menepati Islam bagi mereka adalah sekiranya ada label atau jenama Islam,” katanya.